

Nilai dan norma masyarakat di Sabah

ABSTRACT

Tidak mudah untuk mencitrakan aspek nilai dan norma sesebuah masyarakat. Apatah lagi, aspek tersebut melibatkan sebuah masyarakat yang sangat plural sifatnya. Usaha berkenaan akan melibatkan dimensi kebudayaan yang luas dan berbaur konteksnya. Untuk memasukkan ruang lingkup yang luas tersebut ke dalam sebuah buku bukanlah satu kerja mudah. Banyak aspek yang perlu difikirkan yang mengambil kira aspek istiadat, cara hidup, struktur sosial, pandang dunia serta segenap aspek kebudayaan perlu dicakupi dengan baik. Hal sedemikian itulah yang membezakan nilai dan norma kumpulan-kumpulan etnik di Sabah dengan masyarakat lain di Malaysia. Oleh yang demikian, kelahiran buku ini diharap mampu menampung lompang pengetahuan yang ada tentang nilai dan norma masyarakat plural di Sabah khususnya. Buku ini menyajikan sepuluh makalah yang diusahakan untuk memberi gambaran berkait dengan aspek nilai dan norma masyarakat terpilih di Sabah yang sudah diamalkan sekian lama oleh penduduknya.